



06 SEP, 2020

Tekun Nasional perlukan dana tambahan

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Tekun Nasional perlukan dana tambahan

KOTA BHARU - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Dalam Negeri (Medac) bercadang memohon dana tambahan untuk membantu usahawan dan perusahaan kecil dan sederhana menerusi Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun) Nasional.

Timbalan Menteri, Datuk Mas Ermeyati Samsudin berkata, sebelum ini kerajaan memperuntukkan sejumlah RM100 juta kepada Tekun Nasional melalui Skim Pemulihan Perniagaan Tekun (TBRS) di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) bagi membantu usahawan mikro yang terjejas perniagaan akibat



Mas Ermeyati beramah mesra bersama penjual yang berniaga di Pasar Tani Pelancongan Pengkalan Datu di perkarangan Cerana Villa Resort, Kota Bharu semalam.

koronavirus (Covid-19).

Menurutnya, peruntukan itu tidak mencukupi kerana menerima lebih 10,000 permohonan.

“Ramai yang memohon memandang tempoh kelulusan

cepat dan tidak memerlukan dokumen yang banyak. Ini usaha kerajaan membantu rakyat,” katanya ketika melawat Pasar Tani Pelancongan Pengkalan Datu di perkarangan Cerana Villa Resort di sini.



06 SEP, 2020

Tekun Nasional perlukan dana tambahan

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA BHARU - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Dalam Negeri (Medac) bercadang memohon dana tambahan untuk membantu usahawan dan perusahaan kecil dan sederhana menerusi Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun) Nasional.